



SIARAN MEDIA KEMENTERIAN KEWANGAN MALAYSIA

**LANAM WEB RASMI SKIM *mysalam* UNTUK BANTUAN KEWANGAN KEPADA PESAKIT 36 JENIS PENYAKIT
KRITIKAL MULA BEROPERASI**



Skim *mySalam* yang telah dilancarkan oleh YAB Perdana Menteri Tun Dr. Mahathir Mohamad pada 24 Januari 2019 merupakan salah sebuah inisiatif Kerajaan Pakatan Harapan untuk meringankan beban golongan golongan berpendapatan rendah atau B40. Skim *mySalam* ini merupakan satu iltizam utama Kerajaan untuk membantu golongan B40 menghadapi cabaran yang timbul daripada kejadian kecemasan atau masalah kesihatan yang tidak diduga yang boleh menjejaskan aliran pendapatan isi rumah mereka.

Perlindungan di bawah Skim ini telah pun bermula pada 1 Januari 2019 manakala pendaftaran dan perkhidmatan sokongan pelanggan akan beroperasi mulai 1 Mac 2019. Semua rakyat Malaysia yang mendapat rawatan daripada hospital Kerajaan boleh membuat permohonan tertakluk kepada syarat mereka ada rakyat Malaysia dan berpendapatan rendah. Semakan dan tapisan akan dibuat ke atas pemohon.

Laman web rasmi Skim *mySalam* telahpun sedia dan mula beroperasi pada 26 Februari 2019. Pendaftaran boleh dilakukan secara atas talian melalui laman web ini, dan penerima yang layak boleh memfailkan tuntutan mereka melalui saluran yang sama. Selain itu, maklumat lanjut dan jawapan kepada soalan-soalan lazim berkenaan skim ini juga terdapat di laman web ini. Laman web *mySalam* boleh dicapai melalui pautan **www.mysalam.com.my** (<http://www.mysalam.com.my/>).

Skim *mySalam* menawarkan perlindungan kesihatan secara percuma kepada penerima B40 yang layak untuk 36 penyakit kritikal sehingga RM8,000 dan memberi bayaran harian sebagai pendapatan gantian semasa rawatan hospital untuk tempoh maksimum 14 hari setiap tahun pada kadar RM50 sehari atau bersamaan dengan RM700 setahun. Perlu ditegaskan bayaran RM8,000 adalah 'one-off' (sekaligus) sedangkan bayaran harian RM50 dengan maksimum RM700 setahun boleh didapatkan setiap tahun.

Inisiatif ini menjadi realiti melalui kerjasama dengan syarikat insurans, Great Eastern Holdings yang telah menyumbang caruman dana permulaan sebanyak RM2 Bilion ke dalam dana amanah *mySalam*. Kerjasama ini merupakan contoh model Kerjasama Awam Swasta (*Public Private Partnership*) yang tulen, ke arah membina rangkaian perlindungan sosial yang lebih baik untuk rakyat Malaysia.

Sayangi Malaysiaku!

Lim Guan Eng
Menteri Kewangan

Kementerian Kewangan Malaysia
Putrajaya
26 Februari 2019

Like Be the first of your friends to like this.